

# Dr. I: Bukti rakat yakin

## Sri Gading hargai kemampuan BN

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Sri Gading semalam membuktikan sekali lagi kepercayaan rakyat kepada kerajaan yang ada sekarang.

Menurutnya, kemenangan itu jelas menunjukkan rakyat mahu kerajaan yang mengimbangkan kepentingan dunia dengan kepentingan akhirat dan yang dapat melaksanakan projek-projek pembangunan agama dan lain-lain untuk kemajuan rakyat dan negara.

Dalam satu kenyataan hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional menegaskan, rakyat sedar dan tahu hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang mempunyai kemampuan untuk menunaikan hasrat dan cita-cita mereka.

Bellau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada calon BN yang berjaya, Enck Mustaffa Mohamad dan semua ahli BN serta penyokong-penyokongnya yang telah berusaha dengan gigih bagi menjamin kemenangan itu.

Dalam pilihanraya kecil itu, Enck Mustaffa menewatkan calon PAS, Enck Mohamad Sulaiman dengan kelebihan 19,063 undi. Bellau memperolehi 21,937 undi manakala lawannya hanya mendapat 1,974 undi dan hilang wang pertaruhannya.

### Kubu Umno

Pilihanraya itu diadakan berikutan pengunduran diri bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat berkata, beliau tidak terperanjat sama sekali dengan kemenangan itu.

Katanya, kemenangan itu memang diduga kerana kawasan tersebut ialah kubu UMNO yang kuat dan membuktikan kepercayaan serta sokongan pengundi-pengundi kepada Barisan Nasional begitu kuat.

Menurut Tan Sri Othman, kemenangan itu juga mencerminkan kejayaan Barisan Nasional dari segi pengurusan jentera pilihanraya dari peringkat yang paling bawah hingga ke atas.

Bellau mengucapkan terima kasih kepada para pekerja dan penyokong parti yang telah bekerja kuat semasa kempen pilihanraya tersebut.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Datuk Haji Mustapha Jabar berkata, kemenangan Enck Mustaffa dengan majoriti yang begitu besar menunjukkan BN teramatnya UMNO telah mendapat kepercayaan besar dari rakyat.

Menurutnya, kemenangan itu telah dijangka dari mula lagi "kerana kita penuh yakin bahawa BN adalah parti politik yang boleh diterima oleh semua lapisan rakyat."

Bellau menegaskan, kemenangan BN itu adalah satu amanah kepada PAS dalam pilihanraya umum akan datang.

No. Sijil: 12, 486  
No. Pendaftaran: 4299/81